

PANDUAN BAGI EMANSIPASI WANITA DI TANAH MELAYU BERDASARKAN KITAB JAWI ABAD KE-20

Nor Aniza Mad Azeri

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Emel: *anizaazeri@gmail.com*

Nur Saadah Hamisan@Khair

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Emel: *saadahkhair@usim.edu.my*

Corresponding Author's Email: anizaazeri@gmail.com

Article history:

Received : 15 April 2021

Accepted : 28 May 2021

Published : 31 October 2021

ABSTRAK

Setelah Islam bertapak dengan pesatnya di Tanah Melayu, pelbagai usaha telah dilakukan dalam menyebarkan ilmu pengetahuan melalui pelbagai medium. Salah satu medium penting yang digunakan para ulama Melayu adalah melalui penulisan dengan menghasilkan manuskrip dan kitab-kitab jawi bagi membincangkan pelbagai bidang ilmu dan juga isu yang merangkumi sosio-budaya di Tanah Melayu termasuklah isu berkaitan wanita. Walaupun isu Wanita bukanlah menjadi isu utama, tetapi usaha ulama Melayu dalam memperjuangkan emansipasi Wanita wajar diketengahkan bagi menghargai sumbangan mereka. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengupas sebuah kitab jawi yang bertajuk *Risalah Seruan Kepada Jenis Yang Lembut Perempuan-Perempuan*. Ia merupakan terjemahan bagi kitab yang telah ditulis oleh Syed Muhammad Rashid Rida (1865-1935) dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Abdullah 'Abdur-rahman (1876-1950). Kajian ini juga dilakukan untuk menilai sokongan penulis terhadap emansipasi wanita serta menganalisis kandungan di dalam kitab tersebut. Menggunakan kajian kualitatif, analisis kandungan dan tematik analisis dipilih bagi menganalisa kitab melalui enam tema iaitu kedudukan wanita; wanita dan pendidikan; wanita dan pemilikan harta; wanita dan perkahwinan; peranan wanita sebagai isteri; dan wanita dan poligami. Hasil kajian ini akan membantu untuk memahami peranan wanita dengan lebih jelas dan memberi panduan kepada wanita dalam menghadapi cabaran norma baharu pada era kini.

Kata kunci: Emansipasi wanita, Ulama Melayu, Pendidikan, Ekonomi, dan Perkahwinan.

A GUIDE FOR THE EMANCIPATION OF WOMEN IN MALAYA BASED ON THE JAWI BOOK OF THE 20TH CENTURY

ABSTRACT

*Having established the rapid growth of Islam in the Malay Archipelago, various attempts have been made in spreading knowledge through various mediums. One of the important mediums applied by the Malay scholars is through writing and producing manuscripts and books in Jawi to discuss various fields of knowledge including issues concerning socio-cultural in Malaya, as well as issues related to women. Although the issue of women is not a major issue discussed, the efforts done by the Malay scholars in promoting the emancipation of women should be highlighted as an appreciation of their contributions. Therefore, this study was conducted to analyze a Jawi book entitled *Risalah Seruan Kepada Jenis Yang Lembut Perempuan-Perempuan*. It is a translation of the book that has been written by Syed Muhammad Rashid Rida (1865-1935) and has been translated into Malay by Abdullah 'Abdur-Rahman (1876-1950). This study was also conducted to discuss the author's support for women's emancipation as well as to analyze the contents of this book. As a qualitative study, content analysis and thematic analysis were selected as a method to analyze the book through six themes: the position of women; women and education; women and property ownership; women and marriage; the role of women as wives; and women and polygamy. The results of this study will help to understand the role of women clearly and to provide guidance for women in facing the challenges of new norms in the present era.*

Keywords: Women's Emancipation, Malay Scholar, Education, Economics, and Marriage.

PENDAHULUAN

Kemunculan kitab jawi pada abad ke-18 adalah mercu tanda pencapaian intelektual ulama Islam di alam Melayu (Abdul Malik Mohd Puad & Abd Rahim, 2018). Tujuan penulisan kitab jawi adalah untuk mengajar dan menyebarkan ajaran Islam di Nusantara. Sebelum munculnya kitab jawi, para ulama Nusantara menggunakan kitab berbahasa Arab dalam mengajar ilmu agama Islam. Setelah itu, para ulama menyedari kesukaran masyarakat dalam memahami bahasa Arab. Oleh itu, mereka mula menulis kitab jawi bagi memudahkan umat Islam di Nusantara dalam mempelajari Islam. Pada peringkat awal, mereka menterjemah dan meringkaskan kitab berbahasa Arab kepada jawi, hal ini juga adalah antara salah satu cara yang efektif untuk menyampaikan dakwah di pelusuk Nusantara termasuklah di Tanah Melayu (Abd. Rahim et al., 2019).

Di Tanah Melayu, peningkatan penulisan kitab-kitab jawi mula berkembang dengan pesat pada abad ke-20 setelah mesin cetak dibawa masuk

ke negara ini (Abd Razak et al., 2018). Perkembangan karya penulisan jawi itu berlaku dalam segenap aspek ilmu tidak kira ilmu tasawuf, ilmu hadis, ilmu fekah, tauhid dan sebagainya. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan sekitar 22,000 manuskrip jawi dalam pelbagai bidang ilmu (Anuar, 2017) sama ada secara teoritikal, praktikal, rasionalistik dan social (Abdul Malik Mohd Puad & Abd Rahim, 2018). Kajian terhadap manuskrip Melayu dan kitab jawi juga telah mendapat perhatian ramai penyelidik akademik dan bukan akademik, yang menunjukkan bahawa terdapat nilai yang tinggi terhadap karya tersebut yang menyumbang kepada intelektual dan sosio-budaya masyarakat (Zakaria bin Mustaffa & Syukur Mohd. Ali, 2012).

Dengan berkembangnya penulisan kitab-kitab jawi, ia membantu masyarakat Melayu untuk menyelesaikan masalah dan isu-isu yang berlaku dalam masyarakat Melayu ketika itu. Bahkan, ia menjadi medium utama penyebaran ilmu, pemikiran serta menjadi panduan dalam penghayatan Islam. Ketika itu juga, masalah-masalah tentang wanita mula dibahaskan dalam masyarakat Melayu. Sebagai contoh, isu pendidikan, masyarakat mula menyedari tentang keutamaan pendidikan kepada wanita. Di samping itu, mereka juga turut membincangkan tentang peranan dan hak wanita di dalam sosial masyarakat. Hal ini kerana ketika itu wanita Melayu tidak berpeluang untuk menuntut ilmu dan aktif di dalam masyarakat, mereka hanya menjadi suri rumah tangga (Mahani Musa, 2010).

Tidak ketinggalan juga para ulama Melayu yang turut membahaskan tentang isu-isu wanita dalam karya mereka pada abad ke-20. Banyak karya ulama yang dilahirkan bagi menjawab persoalan masyarakat mengenai masalah wanita, di samping untuk mengangkat martabat wanita serta menyokong hak dan emansipasi wanita. Ulama Melayu membicarakan isu wanita secara umum dan khusus di dalam penulisan mereka. Antara contoh ulama Melayu yang menulis isu wanita secara khusus di dalam penulisan mereka ialah Ahmad bin Ya'qub dalam bukunya *Adab Perempuan* (1926), Syed Shaykh bin Ahmad Al-Hadi dalam karyanya *Kitab Alam Perempuan* (1930), dan Haji Nik Muhammad bin Haji Wan Musa di dalam kitabnya berjudul *al-Nafah al-Muhammadiyah*. Di samping itu, para ulama Melayu yang lain juga secara umum telah membincangkan masalah wanita dalam penulisan mereka. Walaupun tidak secara meluas dalam masalah tertentu tetapi digabungkan dengan pelbagai masalah dari aspek seperti ibadah, *mu'amalat* (kontrak ekonomi), *munakahat* (undang-undang Islam keluarga), akhlak dan moral serta lain-lain isu (Hamisan@Khair & Mad Azeri, 2021). Sebagai contoh, Haji Muhammad Sa'id bin Umar (1854-1932) menerapkan keadilan gender dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran mengenai wanita dalam karyanya iaitu *Tafsir Nur al-Ihsan*.

Peningkatan kitab jawi yang membicarakan tentang wanita terus meningkat dari semasa ke semasa, antaranya disebabkan oleh pengaruh reformis dari Timur Tengah. Contohnya, Syed Shaykh bin Ahmad Al-Hadi (1867-1954) telah bertemu dengan Syeikh Muhammad 'Abduh ketika usianya 28 tahun, situasi itu memberi satu inspirasi kepada beliau dalam memperjuangkan hak wanita melalui bidang penulisan dan pendidikan. Antara karya yang dihasilkan ialah *Hikayat Setia Asyik kepada Maksudnya* atau *Syafik Affandi dengan*

Faridah Hanom (1926); *Agama Islam dan Akal* (1931) dan lain-lain (Hamisan@Khair, 2020).

Selain itu, antara usaha para ulama Melayu dalam memperjuangkan hak wanita ialah dengan menterjemahkan karya-karya bahasa Arab kepada Bahasa Melayu. Contohnya, karya yang ditulis oleh Muhammad Rashid Rida daripada bahasa Arab “*Nida’ Li Al-Jins Al-Latif*” ke dalam bahasa Melayu “*Risalah Seruan Kepada Jenis Yang Lembut: Perempuan-Perempuan*” oleh Abdullah ‘Abdur-rahman (1876-1950) yang menjadi bahan utama di dalam kajian ini.

PENGENALAN KEPADA PENULIS DAN ISI KANDUNGAN KITAB


Buku berjudul *Risalah Seruan Kepada Jenis Yang Lembut: Perempuan-Perempuan* adalah hasil karya Abdullah ‘Abdur-rahman al-Johori yang telah diterbitkan semula oleh Akademi Jawi Malaysia. Edisi pertama buku ini pernah diterbitkan oleh Jamiliah Press, Muar, Johor pada tahun 1939. Di dalam pengenalan buku, Abdullah ‘Abdur-rahman menyatakan bahawa karya ini sebenarnya ialah terjemahan kepada tulisan Syed Muhammad Rashid Rida yang telah dikarang dalam bahasa Arab dengan tajuk asalnya iaitu *Nida’ ila Jins al-Latif* atau *Huquq al-Nisa’ fi al-Islam*. Ia juga turut diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa tetapi buku ini merupakan satu-satunya terjemahan buku tersebut di dalam bahasa Melayu.

Penterjemah buku ini ialah Abdullah ‘Abdur-rahman yang dilahirkan pada tahun 1876, dinisbahkan dengan gelaran al-Johori pada namanya kerana tempat kelahirannya di Batu Pahat, Johor. Beliau mendapat pendidikan awal di Muar dan telah menjawat beberapa jawatan di sekitar negeri Johor. Antaranya ialah kerani di Pejabat Pendaftar Surat-Surat Tanah di Muar (1910), Setiausaha Darjat Keempat berjawatan Setiausaha di Pesuruhjaya Kerajaan Muar (1910), Setiausaha Jabatan Agama (1923), Bendahari Kerajaan Muar (1926-1929), Pesuruhjaya Muar (1927), Bendahari Kerajaan Johor (1930), Ahli Jemaah Menteri-Menteri (1932). Beliau juga merupakan Yang Dipertua di Jabatan Agama Johor (1932-1947). Beliau antara individu yang paling awal mendirikan Sekolah Arab di Muar pada tahun 1901, dan bertanggungjawab menubuhkan Sekolah Perempuan Melayu pertama di Johor pada tahun 1911.


Menurut Abd Latif Jufri & Masnorindah Mohd Masry (2010), beliau telah menulis sebanyak 21 buah buku, antaranya ialah *Matan Risalah al-Tauhidiah*, *Permulaan Adab Pertuturan Melayu* (Nahu Melayu), *Kitab Permulaan Agama dan Membaiki Perangai*, *Majalah Ahkam Johor*, *Nazam Kalaid al-Jauriah*, *Ilmu Kesihatan*, *Adab Rumahtangga*, *Seruan Kepada Jenis yang Lembut (Perempuan)*, dan lain-lain. Pada tahun 1928, beliau telah dianugerahkan bintang kebesaran Dato’ Paduka Mahkota Johor (D.P.M.J) oleh Sultan Ibrahim. Beliau meninggal dunia pada 15 Januari 1950 dan jenazahnya dikebumikan di Kawasan Perkuburan Islam Baru 2, Jalan Bakri, Muar (Abdul Rahman, 2017).

Penulis asal buku ini juga wajar diperkenalkan secara ringkas. Beliau ialah Syed Muhammad Rashid Rida (1865-1935) yang terkenal sebagai reformis Mesir yang berasal daripada Tripoli, Syria. Beliau mendapat pengaruh

yang kuat daripada Jamal al-Din al-Afghani (1838-1897) dan Muhammad 'Abduh (1849-1905), dan kedua-duanya ini adalah guru kepada beliau. Syed Muhammad Rashid Rida juga mempunyai perjuangan yang hampir sama dengan Abdullah 'Abdur-rahman dalam membangunkan sekolah dan memperjuangkan pendidikan. Sekolah yang dibangunkan oleh beliau bernama "Madrasah al-Da'wah wa al-Irsyad" bertempat di Kaherah pada tahun 1912. Beliau bertanggungjawab melatih para pelajar di sekolah tersebut untuk menjadi pendakwah (1912-1914). Selain itu, beliau juga turut aktif dalam kerjaya yang lain, antara jawatan lain yang disandang ialah Preseden Kongres Suriah (1920), delegasi Palestin – Suriah di Geneva (1921), anggota Ahli Politik di Kaherah (1925) serta ahli anggota dalam mengikuti Konferens Islam di Mekah (1926) dan di Yerusalem (1931). Beliau juga turut menulis beberapa karya iaitu *Tarikh Al-Ustadh Al-Imam Asy-Syaikh 'Abduh* (Sejarah Hidup Imam Syaikh Muhammad Abduh), *Nida' ila Jins al-Latif* (Panggilan terhadap Kaum Wanita), *Al Wahyu Muhammad* (Wahyu Allah yang diturunkan kepada Muhammad), dan *Huquq Al-Mar'ah As-Salihah* (Hak-Hak Wanita Muslim). Salah satu karya beliau yang sangat terkenal dan menjadi rujukan sehingga kini ialah *Tafsir al-Manar*. Syed Muhmaad Rashid Rida meninggal dunia pada 22 Ogos 1935 di Kaherah.



Rajah 1: Kulit buku edisi jawi yang pertama kali diterbitkan pada tahun 1939
(Penggal pertama)



Rajah 2: Kulit buku edisi rumi dan jawi yang telah diterbitkan oleh Akademi Jawi Malaysia pada tahun 2017

Buku yang berjudul *Risalah Seruan Kepada Jenis Yang Lembut Perempuan-Perempuan* (2017) ini mengandungi 329 halaman, yang mana 190 halaman pertama menggunakan tulisan rumi tanpa mengubah originaliti naskhah asal, dan baki halaman buku ini dilampirkan naskhah asalnya yang menggunakan tulisan jawi. Buku ini dibahagikan kepada 32 bab, dimulai dengan bab pengenalan yang ditulis oleh Abdullah 'Abdur-rahman sendiri, diikuti dengan kata aluan oleh 'Abdul Majid Qurshi, dan juga pendahuluan buku yang ditulis oleh Syed Muhammad Rashid Rida. Bab-bab yang telah diterjemahkan oleh Abdullah 'Abdur-rahman sebenarnya adalah sebahagian sahaja daripada buku asal yang ditulis oleh penulis asal, terdapat hampir 40 bab lagi tidak dimasukkan ke dalam buku ini. Hal ini dinyatakan oleh Abdullah 'Abdur-rahman pada halaman 186, iaitu "Tamat penggal yang pertama, akan diiringi penggal yang kedua." Ayat ini menunjukkan buku ini mengandungi sebahagian daripada buku asal dan akan disambung di dalam penerbitan akan datang. Walau bagaimanapun, sambungan terjemahan buku ini belum ditemui oleh mana-mana pihak. Kronologi penulisan buku yang ditulis oleh Abdullah 'Abdur-rahman boleh difahami melalui kata aluan yang ditulis oleh Abdul Majid Qurshi (Hamisan@Khair, 2019).

METODOLOGI

Kajian ini ialah penyelidikan kualitatif yang menggunakan analisis kandungan sebagai sumber utama pengumpulan data. Analisis kandungan atau dikenali sebagai *content analysis* merujuk kepada kaedah penyelidikan yang memusatkan perhatian kepada mesej dengan membuat pemerhatian sistematik

terhadap kategori yang dipilih oleh pengkaji (Babbie, 2012). Ia juga adalah metodologi penelitian untuk memahami isi kadungan sesuatu bahan sama ada dalam bentuk teks, gambar, simbol atau data audio. Ia digunakan bagi menilai kandungannya untuk diukur konteks penggunaannya (Niels & Jacobs, 2017). Berdasarkan metodologi ini, kajian akan membuat kesimpulan melalui tafsiran teks yang terkandung di dalam *Risalah Seruan Kepada Jenis Yang Lembut: Perempuan-Perempuan* dan membina panduan untuk diadaptasi kepada wanita zaman kini. Buku ini dipilih sebagai bahan utama di dalam kajian ini kerana kandungannya yang meliputi hak-hak wanita dan menyokong kepada emansipasi wanita.

Kajian ini juga menggunakan tematik analisis iaitu dengan melihat kepada tema-tema yang berkaitan dengan isu-isu wanita. Tema tersebut dipilih dan dibahagikan berdasarkan bab yang terkandung di dalam buku ini. Terdapat enam tema iaitu 1) kedudukan wanita, 2) wanita dan pendidikan, 3) wanita dan pemilikan harta, 4) wanita dan perkahwinan, 5) peranan wanita sebagai isteri, dan 6) wanita dan poligami. Setiap tema boleh dilihat melalui bab-bab seperti di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Tema berdasarkan isi kandungan buku *Risalah Seruan Kepada Jenis Yang Lembut: Perempuan-Perempuan* (2017)

Tema	Bab	Tajuk Bab
Kedudukan wanita	1	Perempuan itu Saudara kepada Laki-laki
	2	Iman-iman Perempuan dan Iman Laki-laki Muslim
	3	Balasan kepada Perempuan-Perempuan dalam Akhirat Sama Seperti Balasan kepada Laki-laki
	4	Perempuan-perempuan itu Bersamaan dengan Laki-laki
	5	Perempuan-perempuan Boleh Memberi Aman kepada Orang-orang Harbi
	6	Suruhan Perempuan kepada Kebajikan dan Larangannya daripada Kejahatan (munkar)
	7	Nabi Memashhurkan Janji Persetiaan kepada Perempuan-perempuan Bagaimana kepada Laki-laki (bay'ah)
Wanita dan Pendidikan	8	Haqq Perempuan di dalam Pelajaran dan Adab
Wanita dan Pemilikan Harta	9	Haqq Perempuan-perempuan pada Hartanya
	10	Haqq Perempuan di dalam Mirath
Wanita dan Perkahwinan	11	Mahar Perkahwinan (Mas Kahwin)
	12	Perempuan dan Haqq-haqq Perempuan Padanya

	13	Wilayah Nikah dan Kebebasan Perempuan di dalam Memilinya
	14	Rukun-rukun Berlaki Bini yang Jati pada Islam: Agama Asal Kejadian (fitri)
	15	Bersamaan di antara Laki Bini dan Darjat Laki-laki atas Perempuan
Wanita sebagai isteri	16	Kehendak Asal Kejadian di dalam Perihal Berlaki Bini
	17	Laki-laki yang Jadi Ketua atau Pengelola bagi Ahli Rumahnya itu dengan Jalan Mushawarah, Bukan Merajalela
	18	Peraturan Kerja Laki-laki dan Perempuan dan Usaha Keduanya
	19	Darjah Laki-laki Atas Perempuan-perempuan
	20	Sifat Perempuan yang Salihat
	21	Hukum Perempuan yang Nashuzat
	22	Bertahkim di Antara Laki Bini
	23	Nushuz Laki-laki dan Hubatnya dengan Berdamai
Wanita dan poligami	24	Berbilang-bilang Bini
	25	Islah Agama Islam di dalam Perkara Berbilang-bilang Bini
	26	Persediaan Tiap-tiap Laki-laki dan Perempuan bagi Dhuriyat (Beranak Buah)
	27	Maslahat Berkahwin atau Kemanusiaan di dalam Berbilang-bilang Bini
	28	Percakapan Sesetengah Pendeta Perempuan Eropah di dalam Hal Berbilang-bilang Bini
	29	Perkataan Pendeta-pendeta Eropah Perihal Berbilang-bilang Bini dan Islam
	30	Isteri-isteri Nabi Itu Ibu kepada Sekalian Mu'minin
	31	Hikmah yang 'Am kerana Berbilang-bilang Isteri Nabi
	32	Segala Asbab yang khas bagi Tiap-tiap Seorang Isteri Nabi Kemudian daripada Khadijah

Melalui enam tema ini, kajian ini menemukan bahawa kandungan buku ini merangkumi hak-hak wanita dalam pelbagai aspek termasuklah perkahwinan, pendidikan, pemilikan harta dan lain-lain. Ia juga menjelaskan bahawa kedudukan wanita yang tidak berbeza dengan lelaki kerana keduanya berhak mendapat hak yang sama walaupun peranan dan tanggungjawab mereka adalah berbeza. Pembahagian tema ini membantu untuk menemukan hasil kajian seperti yang akan dibincangkan dalam topik berikut.

HASIL KAJIAN DAN DISKUSI

Melalui metodologi yang digunakan, kajian ini berhasil mencapai objektif kajian untuk menilai sokongan penulis terhadap emansipasi wanita serta menganalisis kandungan di dalam penulisan beliau. Berasaskan analisis kandungan buku tersebut, terdapat beberapa panduan yang ditonjolkan oleh Abdullah 'Abdur-rahman yang boleh diaplikasi dalam kehidupan setiap wanita pada zaman kini walaupun buku ini ditulis pada awal abad ke-20. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga panduan bagi menyokong emansipasi wanita berdasarkan buku yang bertajuk *Risalah Seruan Kepada Jenis Yang Lembut: Perempuan-Perempuan*: Pertama, menggalakkan wanita untuk menuntut ilmu dan mengutamakan pendidikan; Kedua, memberi dorongan kepada wanita untuk menjana ekonomi; dan Ketiga, meletakkan keseimbangan bagi wanita untuk menguruskan keluarga dan kerjaya.

KEPENTINGAN ILMU KEPADA WANITA

Aspek utama yang telah ditekankan oleh penulis bagi memelihara hak wanita ialah kepentingan ilmu yang menjadi kewajipan untuk dituntut oleh setiap manusia. Melalui ilmu, wanita dapat menjauhkan diri mereka daripada sifat kebodohan dan kejahilan serta dapat menambahkan pelbagai nilai yang baik di dalam diri mereka dan orang lain. Seperti contoh yang dibawa oleh penulis (hal. 53 dan 54), para wanita pada zaman Rasulullah SAW berlumba-lumba untuk menuntut ilmu, dan mereka mempunyai sumbangan besar dalam menyampaikan ilmu kepada masyarakat sekeliling seperti Syifa binti Abdullah. Beliau merupakan seorang wanita yang bijaksana dan hebat dalam dunia perubatan. Selain itu, Aisyah iaitu isteri baginda juga terkenal dengan kepakaran beliau dalam pelbagai bidang keilmuan termasuklah al-Quran, hadis, fiqh dan lain-lain.

Menurut penulis, ilmu pengetahuan berupaya menjadi perisai diri kepada wanita untuk berhadapan dengan cabaran kehidupan selari dengan peredaran zaman. Melalui ilmu pengetahuan juga, wanita tidak mudah untuk ditindas dan didiskriminasi. Selain itu, wanita yang berilmu sentiasa hebat dalam membentuk peribadi orang lain termasuklah anak-anak mereka. Sudah pasti, pendidikan pertama adalah bermula dari rumah dan wanita sebagai ibu berperanan sebagai pendidik pertama bagi anak-anaknya. Pendidikan yang diberikan oleh ibu di rumah juga akan membentuk watak dan keperibadian anak-anak (Husna Rahman et al., 2018). Seorang ibu yang mempunyai ilmu pengetahuan berbeza dalam mendidik anak-anak mereka di rumah berbanding dengan seorang yang tidak mempunyai ilmu. Kekurangan ilmu dalam didikan anak-anak adalah di antara faktor yang menyumbang kepada masalah sosial yang semakin meningkat pada zaman ini.

Kepentingan menuntut ilmu bagi wanita dipandang serius dari zaman ke zaman. Walaupun kini rekod kemasukan pelajar di kebanyakan institusi pengajian rendah dan tinggi pada zaman kini telah dikuasai oleh kaum wanita yang menjadi majoriti berbanding kaum lelaki. Namun, ilmu bukan sahaja dinilai berdasarkan sijil tetapi ia perlu menjadi sandaran bagi wanita dalam apa

sahaja keadaan yang dihadapi. Ini akan membantu wanita memahami bahawa emansipasi boleh dicapai sekiranya wanita mempunyai ilmu dan keupayaan untuk mempertahankan hak dan keadilan buat diri mereka sendiri.

KEBERDAYAAN WANITA MENJANA EKONOMI

Dalam sejarah peradaban silam, wanita tidak mendapat hak yang sewajarnya di dalam masyarakat, ini termasuklah penafian hak untuk memiliki harta. Kedatangan Islam membawa banyak perubahan termasuklah di dalam hak wanita untuk memiliki harta. Seperti yang dijelaskan oleh penulis, terdapat dua kaedah yang boleh digunakan wanita untuk memiliki harta. Pertama, wanita itu sendiri dalam menjana ekonomi, mereka diberi kebebasan dalam urusan jual-beli, sewa-menyewa, beri memberi dan sebagainya (hal. 56). Hak ini adalah penting bagi wanita untuk mampu berdikari dan tidak bergantung kepada sumber kewangan daripada daripada suami atau ahli keluarga. Kemampuan untuk memiliki harta boleh meningkatkan keyakinan buat wanita untuk membebaskan diri daripada pandangan konservatif yang menyekat wanita untuk terlibat sama di dalam isu masyarakat.

Pada zaman kini, wanita berhak diberikan kebebasan untuk bekerja sama ada di dalam atau luar rumah selagi mana tidak bercanggah dengan agama. Arus kehidupan di era ini yang serba kompleks serta menuntut kepada banyak tuntutan kehidupan yang segalanya perlu dibayar dengan wang ringgit memerlukan wanita untuk membantu suami di dalam aspek kewangan. Oleh yang demikian, kerjasama antara suami isteri dalam menjana ekonomi amatlah digalakkan demi menjamin kehidupan yang berkualiti. Walau bagaimanapun, keizinan suami adalah penting dan perbincangan haruslah diselesaikan terlebih dahulu bergantung kepada keadaan keluarga masing-masing.

Kedua, melalui harta pusaka iaitu harta yang dibahagikan apabila warisnya meninggal (hal. 58). Menurut Syeikh Muhammad al-Khatib al-Syabini (1509-1570) di dalam kitabnya *Mughil Muhtaj*, pembahagian harta pusaka mengikut kaedah faraid $\frac{1}{2}$, $\frac{2}{3}$, $\frac{1}{4}$, $\frac{1}{6}$, dan $\frac{1}{8}$ adalah bertujuan untuk memberikan harta kepada yang berhak dan untuk membantu waris yang ditinggalkan. Pembahagian harta ini juga adalah salah satu cara pemilikan harta untuk wanita. Hal ini juga antara faktor yang berjaya membebaskan wanita dan mengangkat martabat mereka. Walau bagaimanapun, pembahagian hak warisan wanita yang tidak sama berbanding lelaki turut mendapat perhatian golongan feminis. Mereka berpandangan bahawa hukum Islam berkaitan dengan pusaka perlu diberi nafas baharu sesuai dengan perkembangan semasa. Persamaan hak antara lelaki dan wanita perlu diutamakan untuk menjamin keadilan dan kesetaraan gender dalam masyarakat Islam. Penulis buku ini telah menggariskan hikmah pemberian separuh kepada wanita kerana syariat Islam mewajibkan tanggungan lelaki dalam memberi nafkah isteri. Melalui hal ini, penulis berpandangan bahawa disebabkan nafkah yang diterima isteri dari suaminya menyebabkan timbangan pembahagian harta bagi wanita adalah sama seperti lelaki, bahkan kadang-kadang wanita itu mendapat lebih daripada lelaki (hal. 59).

KESEIMBANGAN MENGURUS KELUARGA DAN KERJAYA

Peningkatan wanita yang bekerja di Malaysia adalah satu situasi yang boleh diterima oleh masyarakat kini. Walau bagaimanapun, kesibukan mereka bekerja sering kali menimbulkan isu keseimbangan mengurus keluarga dan kerjaya. Penulis telah memberi panduan dalam menyelesaikan isu ini antaranya adalah saling tolong-menolong dan memahami antara suami isteri yang menjadi kunci utama kekuatan bagi institusi keluarga. Beliau juga menegaskan tentang konsep rahmat iaitu belas kasihan dan sokongan padu ahli keluarga terutamanya ibu bapa yang menjadi tunjang kekuatan keluarga itu terutamanya bagi wanita (hal. 73), serta kepentingan untuk suami isteri saling memelihara kehormatan antara satu sama lain dan mesti mengetahui serta memberi hak masing-masing dalam membentuk keluarga yang penuh kasih-sayang dan ketenangan (hal. 79).

Keseimbangan dalam menjalankan tanggungjawab sebagai suami isteri menjadi faktor penting bagi menjamin keharmonian dan kebahagiaan rumah tangga. Ini adalah kerana kedua-duanya bekerjaya dan mempunyai tanggungjawab yang pelbagai selain tanggungjawab mereka yang hakiki di dalam institusi keluarga. Wanita bukan sahaja berada di rumah, malah mereka turut terlibat dalam pelbagai aktiviti luar seperti bekerja untuk membantu ekonomi rumah tangga, berpolitik untuk membantu keamanan negara dan sebagainya. Penglibatan ramai wanita dalam dunia luar bukan bermakna mereka mengabaikan tanggungjawab mereka di rumah, namun mereka tetap menjadi isteri dan ibu yang terbaik dalam rumah. Keseimbangan (*wasatiyyah*) wanita dalam menguruskan keluarga dan rumah tangga telah dibuktikan oleh para sahabat wanita pada zaman Rasulullah SAW terdahulu. Sebagai contoh, Ummu Salamah iaitu isteri Nabi Muhammad SAW, Shafiyah, Laila Al-Ghaffariyah dan Ummu Sinam Al-Islamiyah antara tokoh-tokoh yang terlibat dalam peperangan, serta pelbagai sahabat wanita yang berperanan di dalam keluarga dan berbakti kepada masyarakat. Walaupun mereka ini terlibat dalam aktiviti di luar rumah, akan tetapi dalam masa yang sama, mereka dikenali sebagai isteri yang berilmu dan berjaya di dalam rumah bahkan ada antara mereka juga dijadikan sebagai pakar rujuk oleh para sahabat dalam persoalan hukum terutamanya yang berkaitan dengan isu wanita (Arafah Bayyumi, 2019).

Namun demikian, dalam situasi hari ini, keseimbangan wanita dalam menguruskan keluarga dan kerjaya mastilah mendapat sokongan padu daripada ahli rumah terutamanya suami dan ahli keluarga. Walaupun bekerjaya, wanita perlu memperkasakan diri mereka dalam pelbagai aspek, tetapi pemerksaan utama seharusnya bermula dari rumah (Khair, 2020). Islam juga telah menegaskan bahawa tanggungjawab di dalam keluarga perlu dipikul bersama kerana lelaki mahupun wanita mempunyai tanggungjawab yang sama sebagai pemimpin di dalam keluarga masing-masing. Hakikat kepimpinan setiap individu ini telah dinyatakan oleh Nabi Muhammad SAW di dalam sebuah hadis yang bermaksud "Kamu semua adalah pemimpin dan kamu semua bertanggungjawab terhadap apa yang kamu pimpin. Seorang pemerintah adalah pemimpin dan dia bertanggungjawab terhadap rakyatnya. Seorang lelaki (suami) adalah pemimpin ahli keluarganya dan dia bertanggungjawab terhadap

mereka. Manakala seorang isteri adalah pemimpin rumah tangga, dan anak-anaknya, dia bertanggungjawab terhadap mereka. Seorang hamba adalah penjaga harta tuannya dan dia juga akan bertanggungjawab terhadap harta jagaannya.” (Sahih al-Bukhari, Hadith no.: 849, 2243, 2380, 2383, 2559, 4814; Sahih Muslim, Hadith no.: 3414)

DISKUSI AKHIR

Melalui karya ini, terdapat tiga panduan yang boleh diaplikasi oleh wanita pada zaman kini dalam memperjuangkan emansipasi wanita yang selari dengan panduan agama berdasarkan al-Quran dan Sunnah. Emansipasi wanita boleh difahami sebagai “pembebasan wanuta daripada perhambaan ataupun pemberian hak yang sama dalam hukum iaitu wanita mendapat hak yang sama dengan lelaki” (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Isu emansipasi wanita ini hakikatnya telah berlaku sejak kedatangan Islam yang membawa misi untuk membebaskan wanita daripada tradisi Jahiliyyah yang memandang hina terhadap kaum wanita (Khair, 2020). Rasulullah SAW membawa satu perubahan besar terhadap status wanita, baginda SAW mengangkat martabat dan memperjuangkan hak-hak wanita. Ini adalah kerana emansipasi wanita berdasarkan Islam adalah pembebasan wanita dengan memberikan mereka pengetahuan dan pendidikan, kebebasan ekonomi, keselamatan fizikal, cinta, maruah dan kehormatan kerana Islam tidak menganggap komodifikasi tubuh wanita sebagai pembebasan seperti yang difahami melalui kerangka Barat (Haider, 2020).

Selain itu, kandungan karya ini juga mengandungi tentang isu, fitrah dan kehidupan seorang wanita. Walaupun penulis menyifatkan lembut pada perempuan-perempuan di tajuk karyanya. Namun setelah diteliti dan difahami, istilah lembut itu memberi maksud yang sangat mendalam. Secara fitrahnya, wanita memang memiliki sifat lemah lembut, akan tetapi menjadi lembut itu tidak menjadi kelemahan bagi mereka bahkan dengan kelembutan yang dimiliki oleh wanita, mereka juga mampu untuk melakukan pelbagai perkara selagi mana menjana batasan yang ditetapkan oleh Islam dan mereka berkah untuk menerima kehidupan yang sewajarnya sebagai seorang wanita.

PENUTUP

Kesimpulannya, *Risalah Seruan Kepada Jenis Yang Lembut Perempuan-Perempuan* ini sangat istimewa kerana mengangkat kedudukan wanita yang tidak berbeza dengan lelaki serta mengiktiraf bahawa wanita juga berhak mempunyai kebebasan memilih dan berperanan besar di dalam pelbagai bidang. Buku ini membuktikan bahawa emansipasi wanita mendapat sokongan para ulama ulama melayu, dan Abdullah ‘Abdur-rahman al-Johori merupakan salah satu daripada mereka yang memperjuangkan hak-hak wanita seperti mana yang dilakukan oleh para reformis di Mesir. Kandungan buku ini selari dengan ajaran agama yang mengangkat al-Quran dan hadis sebagai rujukan utama, dan

memperkokuhkan lagi fakta di mana kedatangan Islam membawa rahmat ke atas Wanita.

Kajian ini telah mencapai objektif utama untuk menilai sokongan penulis terhadap emansipasi wanita serta menganalisis kandungan di dalam kitab tersebut. Hasil kajian juga telah menunjukkan bahawa penulis menekankan bahawa peranan wanita adalah sama penting dengan kaum lelaki, dan daripada penulisannya memberi panduan kepada wanita dalam menghadapi cabaran norma baharu pada era kini.

Oleh yang demikian, karya ini sangat bermanfaat kepada pembaca wanita mahupun pembaca lelaki bagi mengangkat isu emansipasi wanita. Sokongan kepada isu wanita juga bukan hanya wajar diperjuangkan oleh wanita sahaja, tetapi wajar untuk disokong oleh kaum lelaki juga bagi mengelakkan pandangan bahawa Islam memberi laluan kepada system patriarki yang bertentangan dengan praktikal agama. Karya ini juga boleh dirujuk oleh segenap masyarakat tanpa mengira agama mahupun bangsa, tua ataupun muda untuk mengetahui hak-hak wanita dan perjuangan bagi emansipasi wanita yang boleh dijadikan panduan di dalam kehidupan. Karya seperti ini juga bermanfaat sepanjang zaman, kerana ia telah ditulis pada awal abad ke-20, dan telah diterbitkan semula pada abad ke-21 ini, dan akan masih boleh dirujuk oleh generasi pada abad yang akan datang.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini mendapat sokongan daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2019/SSI03/USIM/03/4).

RUJUKAN

- Abd. Rahim, R. A., Awang Pawi, A. A., Abd Jalal, A. F., & Abdul Malik, M. P. (2019). Kitab Jawi Sebagai Karya Kearifan Tempatan Melayu: Analisis Sejarah Intelektual. *Al-Banjari: Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Keislaman*, 18(1), 49.
- Abd Latif Jufri, & Masnorindah Mohd Masry. (2010). *40 Tokoh Ulama Johor*. Johor: Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Uagama Malaysia Barat Cawangan Johor.
- Abd Razak, Muhammad, Ab Rahim, & Ahmad, K. (2018). *Sumbangan Syeikh Idris al-Marbawi dalam Memartabatkan al-Quran dan al-Sunnah: Tumpuan Kitab Tafsir Surah Yasin*. (pp. 100-124). Brunei: Fakulti Usuluddin Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Abdul Malik Mohd Puad, & Abd Rahim, R. A. (2018). Kitab Jawi Dan Pengilmuan Masyarakat Melayu. *Jurnal Ulwan*, 3(1), 34-57.
- Abdul Rahman, Abdullah (2017). *Risalah Seruan Kepada Jenis Yang Lembut: Perempuan-Perempuan*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.

- Anuar, Mamat (2017). Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 66– 88.
- Arafah Bayyumi, Ummu Isra (2019). *Kerana Wanita Punya Sejarah*. Jakarta: PT Serambi Semesta Distribusi.
- Asy-Syarbini Syamsuddin al-Khatib. (1860). *Kitab Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- Babbie, E. (2012). *The Practice of Social Science Research*. US: Cengage Learning.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi ke-4). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haider, J. (2020). *Daughters of Eve Islam and Female Emancipation*. Selangor: The Other Press Sdn Bhd.
- Husna Rahman, Izhar Kashim, & Adnan Pitchan. (2018). Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 1-16.
- Hamisan @ Khair, Nur Saadah. (2019). Risalah Seruan Kepada Jenis Yang Lembut: Perempuan-Perempuan Abdullah Abdul Rahman al-Johori. *Jurnal Melayu*, 18(1), 74–78.
- Hamisan @ Khair, Nur Saadah. (2020). Syed Syeikh Ahmad al-Hadi's Thought on Women's Emancipation and Gender Equality: Re-Evaluation and Analysis. *Afkar-Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, [S.1.], p. 157-184.
- Hamisan @ Khair, Nur Saadah & Mad Azeri, Nor Aniza (2021). A Review on Issues Concerning Women in the Malay Scholars' Writings of the Twentieth Century. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*. 3(1), 1–8.
- Jamilah Jaafar. (2018, Mac 20). Penyertaan Wanita dalam Ekonomi. Jabatan Penerangan Malaysia, akses pada (20 Mac 2021) daripada https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPP_A_2-2020_Siri-37.pdf.
- Khair, Nur Saadah (2020, November 23). Memahami Konsep Emansipasi Wanita. *Bernamea Online*, akses pada (20 Mac 2021) daripada <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1903091>.
- Mahani Musa. (2010). Wanita Melayu, Kesedaran Pendidikan dan Pembentukan Masyarakat Malaysia Moden. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 28, 1–24.
- Muslikah, & Muzayynah. (2011). *Emansipasi Wanita dalam Islam*. (pp. 11-24). Indonesia: Politeknik Negeri Surabaya.
- Niels, G., & Jacobs, T. (2017). Content Analysis: A Short Overview. *Internal Research Note*. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.33689.31841>
- Zakaria bin Mustaffa, & Syukur Mohd. Ali. (2012). Penyelidikan Manuskrip Melayu Berunsurkan Keislaman. *Seminar Penyelidikan Jawi Dan Manuskrip*, 1–8.